

LITERASI KEWANGAN SISWA GURU PROGRAM PERSEDIAAN IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PPISMP) DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

***The Financial Literacy of Students From The Bachelor in Teaching Preparatory Programme
at The Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus***

¹*Salmah Salleh*

²*Syed Ismail Syed Mohamad, PhD,*

³*Zahiah Haris@Harith, PhD*

⁴*Maizatul Suraya Muhammad Nor*

^{1,3 & 4}*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

²*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

salmah@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui literasi kewangan dalam kalangan siswa guru Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Ambilan Jun 2018 di Institusi Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Kajian ini meliputi aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Kesemua 74 orang siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2018 telah terlibat dalam kajian ini. Reka bentuk kajian ialah kaedah kuantitatif dengan menggunakan soalan soal selidik melalui google form yang diedarkan kepada siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2018 bagi menjawab objektif kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan Microsoft Excel untuk mendapatkan kekerapan dalam peratus bagi pengetahuan, sikap dan amalan siswa guru PPISMP di IPGKIK, Kuala Lumpur terhadap Literasi Kewangan. Dapatkan kajian mendapat bahawa bagi aspek pengetahuan dan amalan pada skala 4 (berpuas hati) manakala aspek sikap pula pada skala 5 (sangat berpuas hati). Cadangan pengkaji untuk kajian ini adalah memberi pendedahan literasi kewangan kepada siswa guru dengan lebih meluas dan mengadakan bengkel literasi kewangan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran siswa guru.

Kata kunci: literasi kewangan, siswa guru PPISMP

ABSTRACT

This study aims to examine the financial literacy of the students from the June 2018 Intake pursuing the Bachelor in Teaching Preparatory Programme at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus. The study addresses aspects of knowledge, attitude and practices in financial literacy of the students. A total of 74 students participated in this study. Quantitative research method, using questionnaire on google form were distributed to the students. The data obtained was analysed using Microsoft Excel to obtain the frequency in percentage for the aspects of knowledge, attitude and practices in financial literacy. The results reveal that the students are satisfied (on the scale of 4) with regards to knowledge and practices in their financial literacy and they are very satisfied (on the scale of 5) with regards to attitude towards financial literacy. It is recommended that financial literacy is extensively exposed to the students and a financial literacy workshop be conducted for the students to strengthen their knowledge and skills in financial literacy.

Key words: financial literacy, the Pre-Bachelor in Teaching Programme (PPISMP)

PENGENALAN

Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda (PPISMP) adalah satu program yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Antara antara opsyen yang ditawarkan kepada pelajar PPISMP Ambilan Jun 2018 adalah Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan. Seramai 74 orang siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2018 menjadi responden untuk kajian ini. Program Celik Kewangan telah diadakan sehingga tahun 2017 kepada siswa guru semester 8 untuk mendedahkan ilmu kewangan secara ringkas dan bertujuan untuk memastikan siswa guru mempunyai ilmu dan kemahiran dalam pengurusan kewangan.

Literasi kewangan merupakan gabungan pengetahuan kewangan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang berhemah (Murugiah, 2016). Pendapat ini telah disokong oleh Hung, Parker & Yoong (2009) menyatakan bahawa literasi kewangan ialah (i) satu bentuk pengetahuan; (ii) kebolehan atau kemahiran untuk mengaplikasikan pengetahuan; (iii) tanggapan pengetahuan; (iv) tingkah laku kewangan; dan (vi) pengalaman kewangan. Pada peringkat ini mereka perlu bijak dan sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran diri bagi menjadikan mereka individu yang mampu menghadapi pelbagai cabaran hidup yang kian mencabar. Menurut Rubayah Yaakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis (2015) menyatakan pelajar perlu melatih diri agar bijak dalam menguruskan kewangan bagi memastikan mereka terhindar daripada risiko-risiko yang timbul kesan daripada kesilapan menyalurkan sumber kewangan kepada perkara yang tidak penting.

Pengetahuan mengenai pengurusan kewangan adalah sangat penting pada era industrialisasi ini kerana hampir setiap urusan yang dilakukan melibatkan pengurusan kewangan. Menurut Aisyah Abdul Rahman & Wajeeha Zulkifli (2016) mahasiswa seharusnya mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi selaras dengan perubahan ekonomi yang semakin meningkat dari hari ke sehari. Selain itu juga, hasil kajian Zuriana & Rosniyati (2012) juga mendapati bahawa pendedahan kepada pelajar berkaitan pengurusan kewangan peribadi membantu pelajar menjadi individu yang berkebolehan dan berkeyakinan untuk mengurus dan merancang kewangan mereka.

Dengan ilmu yang ada, perancangan mengenai kewangan dapat dilakukan dengan lebih berhemah. Oleh yang demikian, takrifan literasi kewangan sebagai keupayaan untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan sumber kewangan dengan berkesan agar sumber kewangan terjamin seumur hidup (Coalition, 2007). Kegagalan menguruskan kewangan peribadi akan menyebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan. Oleh itu, agak sukar untuk memperuntukkan wang bagi tujuan simpanan. Garman & Gappinger (2008) dalam Noor Azizah Shaari, Nurfadhilah Abu Hasan, Ramesh Kumar Moona Haji Mohamed, Mior Ahmad Jafri Md Sabri (2013) literasi kewangan ditakrifkan sebagai pengetahuan, prinsip, konsep dan alat-alat teknologi asas yang membolehkan seseorang itu menjadi bijak berkenaan kewangan. Begitu juga pendapat Servon & Kaestner (2008), memberikan definisi literasi kewangan adalah merujuk keupayaan seseorang untuk memahami dan menggunakan konsep kewangan. Pernyataan ini juga disokong oleh YT Sam, C Geetha, R Mohidin (2012) dalam Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin & Fatimah Salwa Abdul Hadi (2015), pula menjalankan kajian mendapati bahawa individu yang mempunyai pengetahuan kewangan lebih cenderung untuk menyediakan diri dengan pelbagai pelan kewangan. Ini sebab pelan kewangan adalah sangat penting untuk kegunaan pada masa hadapan.

Literasi kewangan bagi tujuan kajian ini pula boleh ditakrifkan sebagai satu prinsip kewangan untuk mewujudkan dan mengekalkan nilai ketika membuat sebarang keputusan dan pengurusan sumber. Sikap juga boleh didefinisikan sebagai pandangan atau reaksi yang ditunjukkan oleh seseorang kepada sesuatu perkara (Harun, 2006). Oleh itu, literasi kewangan boleh dianggap sebagai kecenderungan psikologi yang ditunjukkan apabila menilai amalan pengurusan kewangan yang disyorkan dengan tahap kepuasan Jodi L. Parrotta & Phyllis J. Johnson (1998). Menurut Yasmin Huzaimeh & Anuar Ahmad (2017), tahap literasi kewangan yang tinggi sangat penting untuk menjamin kesejahteraan hidup. Pendapat ini juga di sokong oleh Zuriana & Rosniyati (2012), mendapati bahawa pendedahan kepada pelajar berkaitan

pengurusan kewangan peribadi membantu pelajar menjadi individu yang berkebolehan dan berkeyakinan untuk mengurus dan merancang kewangan mereka. Pendapat ini selari dengan Azwadi Ali, Mohd SA Rahman & Alif Bakar (2013), mendapati kesejahteraan hidup akan meningkat apabila mempunyai pengetahuan kewangan melalui gaya perbelanjaan yang lebih efisien.

Amalan literasi kewangan ialah perancangan kewangan yang dapat membantu mengenal pasti bagaimana cara untuk menyediakan belanjawan, membuat pembelanjaan dan membuat simpanan. Perancangan kewangan melibatkan satu proses yang dinamik dan memerlukan pemantauan yang berterusan agar kedudukan kewangan dapat dikawal (Noraihan Mamat Zambi, Hasmida Mohamad Hassan & Syaiful Bahari Jaafar, 2013). Amalan ini juga akan membentuk siswa guru untuk lebih sistematik dalam pengurusan kewangan yang lebih baik. Begitu juga dengan Noraihanet (2013), menyatakan literasi kewangan ditakrifkan sebagai satu sains dan seni dalam mengendalikan wang dan perlu dimiliki oleh individu atau organisasi. Oleh itu, amalan kewangan juga boleh dilihat sebagai bagaimana seseorang itu merancang dan bertindak dalam pengurusan wang.

PENYATAAN MASALAH

Dalam menjalani kehidupan sebagai siswa guru pengurusan kewangan cekap dan sistematik perlu dipelajari serta diperaktikkan oleh setiap siswa guru untuk memastikan pengaliran wang saku digunakan untuk kegunaan harian yang perlu sahaja. Menurut Rubayah Yaakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis (2015) menyatakan dengan peningkatan masalah kewangan dalam kalangan pelajar terdapat antara mereka yang terpaksa ikat perut dan lebih berjimat-cermat untuk menyara kehidupan mereka di universiti

Kebanyakan siswa guru hanya mengharapkan bantuan elaun semata-mata yang belum tentu mereka peroleh pada tempoh masa yang ditetapkan. Terdapat juga siswa guru yang menggunakan elaun untuk menanggung kos pembelajaran mereka di universiti. Terdapat juga siswa guru yang menyalahgunakan elaun ini, mereka akan menggunakan wang tersebut dengan membeli kepentingan dan kemahuan diri sendiri melebihi keperluan peribadi dan keperluan pembelajaran mereka (Dahlia Ibrahim, Rabitah Harun & Zuraidah Mohamed Isa, 2009). Sehubungan dengan itu, siswa guru akan menggunakan wang dengan boros dan tidak cermat tanpa menyedari bahawa bantuan pendidikan ini hanyalah mencukupi dalam satu tempoh yang tertentu sahaja. Lantaran itu pada setiap hujung semester, siswa guru yang gagal menguruskan kewangan mereka dengan baik terpaksa mencatu makanan serta tidak dapat belajar dengan sempurna akibat tidak mampu untuk membeli buku-buku rujukan dan bahan-bahan pembelajaran.

Selain itu, tidak dinafikan bahawa terdapat siswa guru yang mampu menguruskan sistem kewangan mereka dengan baik. Walau bagaimanapun, kos kehidupan di bandar serta kos sewa rumah yang tinggi mengakibatkan sistem kewangan siswa guru di sini tidak mencukupi untuk menanggung ke semua masalah bebanan kewangan. Siswa guru terpaksa meminta pertolongan ibu bapa mereka di kampung untuk menyelesaikan masalah kewangan mereka. Hal yang demikian, akan menyukarkan ibu bapa mereka yang kemungkinan mempunyai banyak lagi tanggungan yang perlu disara.

Sehubungan dengan itu, pengkaji menjalankan kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat daripada pelajar PPISMP tentang bagaimana pengetahuan, sikap dan amalan mereka terhadap ilmu pengurusan kewangan supaya masalah yang dibincangkan dari segi pengurusan kewangan siswa guru dapat diatasi.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan penyataan masalah yang tertera, kajian ini mengandungi objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengkaji pengetahuan siswa guru PPISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas terhadap pengurusan kewangan.
- ii. Meneliti sikap siswa guru PPISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas terhadap pengurusan kewangan.
- iii. Meneliti amalan siswa guru PPISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas terhadap pengurusan kewangan.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan, kajian ini mengandungi tiga persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah pengetahuan siswa guru PPISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas terhadap pengurusan kewangan?
- ii. Apakah sikap siswa guru PPISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas terhadap pengurusan kewangan?
- iii. Apakah amalan siswa guru PPISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas terhadap pengurusan kewangan?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini secara dasarnya menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan tinjauan melalui soal selidik. Kaedah kuantitatif digunakan untuk menggambarkan perkara yang sedang berlangsung pada ketika kajian dilakukan (*ex-post facto*) dan dapat membuat tafsiran yang tepat (Mohd Nasir, 2003). Kaedah deskriptif kuantitatif dapat memberi gambaran fenomena-fenomena, menunjukkan hubungan, menguji hipotesis, membuat ramalan dan makna dari implikasi sesuatu masalah yang ingin dipecahkan (Sukarmin, 2010).

Populasi Dan Pensampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada kalangan siswa guru, PPISMP Ambilan Jun 2018 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Borang soal selidik telah direka bentuk berdasarkan kajian lepas. Borang soal selidik untuk kajian ini telah diubah suai daripada kajian. Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini pengkaji telah menunjukkan dua orang pensyarah untuk pengesahan isi kandungan dan bahasa soalan soal selidik bagi kajian ini. Pemilihan sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah ini juga dipilih berdasarkan kesesuaian dan kemudahan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden kajian. Daripada 123 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 74 (60.1%) soal selidik lengkap telah digunakan sebagai data kajian untuk dijalankan analisis. Kadar pemulangan soal selidik ini menepati cadangan oleh Chua (2006) kadar pemulangan soal selidik yang mencukupi untuk dianalisis ialah sebanyak 60%.

Instrumen Kajian

Kajian ini terdiri daripada set soal selidik menggunakan skala likert. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada soal selidik yang berkaitan dengan demografi responden seperti nama, jantina dan kumpulan. Instrumen soal selidik untuk mengetahui pengetahuan, sikap dan amalan siswa guru terhadap literasi kewangan. Instrumen soal selidik kajian ini telah diubah suai dari instrumen asal dan

mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Setiap item mempunyai 5 pilihan jawapan iaitu skala berbentuk “numerical rating” dari skala 1 sehingga 5 mengikut darjah kepuasan responden bagi setiap item. Data soal selidik diperoleh secara terus dengan meminta responden menjawab secara online dalam tempoh yang singkat. 5 pilihan jawapan ditawarkan kepada responden mengikut Skala Likert iaitu sangat tidak berpuas hati ialah pada skala 1, kurang berpuas hati ialah pada skala 2, kurang pasti ialah pada skala 3, berpuas hati ialah pada skala 4 dan sangat berpuas hati ialah pada skala 5.

Prosedur Penganalisisan Data

Kajian ini dianalisis menggunakan *Microsoft Excel* untuk mendapatkan data deskriptif yang melibatkan kekerapan dan nilai peratus.

DAPATAN KAJIAN

Seramai 74 sampel kajian dipilih dalam kajian ini. Kesemua responden adalah siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2018 dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

Analisis demografi

Jadual 1

Profil responden kajian (siswa guru)

Maklumat Responden (N=74)	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	41	55.4
Perempuan	33	44.6
Kumpulan		
J2.1	5	
J2.2	9	
J2.3	8	
J2.4	13	
J2.5	11	
J2.6	6	
J2.7	11	
J2.8	11	
JUMLAH	74	

Berdasarkan latar belakang responden, jumlah siswa guru perempuan yang terlibat dalam kajian ini adalah lebih ramai, iaitu seramai 41 orang (55.4%), berbanding jumlah siswa guru lelaki, iaitu seramai 33 orang (44.6%).

Tinjauan kepada siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2018 di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur terhadap tahap literasi kewangan dianalisis menggunakan program *Microsoft Excel*. Bagi menjawab persoalan kajian tentang pandangan siswa guru terhadap literasi kewangan dalam kalangan siswa guru, kekerapan dan peratusan yang digunakan. Kajian yang dijalankan mendapat bahawa kebanyakan siswa guru daripada opsyen Pendidikan Muzik dan diikuti opsyen Pendidikan Jasmani, Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan.

Pengetahuan siswa guru PPISMP di IPGKIK terhadap literasi kewangan

Jadual 2*Pengetahuan siswa guru PPISMP di IPGKIK terhadap literasi kewangan*

BIL	Item	1	2	3	4	5
1.	Saya mendapatkan maklumat kewangan dari sumber yang dipercayai	3 (4%)	-	15 (20.2%)	40 (54%)	16 (21.6%)
2.	Saya menghadiri kursus atau bengkel celik kewangan	5 (6.7%)	15 (20.2%)	36 (48.6%)	15 (20.2%)	3 (4%)
3.	Bajet yang bagus hanya merangkumi perbelanjaan yang telah dijangka	6 (8.1%)	4 (5.4%)	14 (18.9%)	38 (51.3%)	12 (16.2%)
4.	Saya mengetahui semua perbelanjaan pendapatan bulanan adalah tidak penting selagi saya tidak menghabiskan wang sebelum akhir bulan	15 (20.2%)	20 (27%)	19 (25.6%)	16 (21.6%)	4 (5.4%)
5.	Seseorang lebih cenderung untuk membuat keputusan kewangan yang lebih baik jika keputusan yang dibuat itu berdasarkan rekod kewangan	2 (2.7%)	1 (1.3%)	9 (12.1%)	41 (55.4%)	21 (28.3%)

Merujuk jadual 2 bagi aspek pengetahuan siswa guru terhadap literasi kewangan sebanyak 28.3% daripada responden menyatakan mereka sangat berpuas hati apabila seseorang siswa guru itu lebih cenderung untuk membuat keputusan kewangan yang lebih baik jika keputusan yang dibuat itu berdasarkan kepada rekod kewangan. Manakala 55.4% responden menyatakan bahawa siswa guru mendapatkan maklumat kewangan dari sumber yang dipercayai. Sebahagian besar sebanyak 48.6% adalah kurang pasti menghadiri kursus atau bengkel celik kewangan. 47.2% adalah sangat kurang berpuas hati dengan kenyataan siswa guru mengetahui semua perbelanjaan pendapatan bulanan adalah tidak penting selagi saya tidak menghabiskan wang sebelum akhir bulan.

Sikap siswa guru PPISMP di IPGKIK terhadap literasi kewangan**Jadual 3***Sikap siswa guru PPISMP di IPGKIK terhadap literasi kewangan*

BIL	Item	1	2	3	4	5
1	Perancangan adalah penting membuat perancangan bagi perbelanjaan	2 (2.7%)	-	2 (2.7%)	32 (43.2%)	38 (51.3%)
2	Setiap individu perlu bertanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan kewangan masing-masing	2 (2.7%)	-	3 (4%)	24 (32.4%)	45 (60.8%)
3	Peruntukan bajet yang dibuat sendiri adalah amat penting untuk pengurusan kewangan masing-masing	2 (2.7%)	1 (1.3%)	1 (1.3%)	30 (40.5%)	40 (54%)
4	Menyimpan rekod urusan kewangan adalah sangat penting	2 (2.7%)	-	7 (9.4%)	35 (47.2%)	30 (40.5%)
5	Adalah sangat tidak penting untuk mengikuti peruntukan bajet atau perancangan kewangan yang telah dibuat	16 (21.6%)	20 (27%)	12 (16.2%)	12 (16.2%)	14 (18.9%)

Bagi aspek sikap siswa guru terhadap literasi kewangan (jadual 3), sebanyak 60.8% daripada responden menyatakan siswa guru sangat berpuas hati bahawa setiap individu perlu bertanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan kewangan masing-masing. Manakala 47.2% daripada responden

menyatakan berpuas hati dalam menyimpan rekod urusan kewangan adalah sangat penting. Walau bagaimanapun, 64.8% menunjukkan bahawa siswa guru sangat kurang berpuas hati mengenai kenyataan sangat tidak penting untuk mengikuti peruntukan bajet atau perancangan kewangan yang telah dibuat.

Amalan siswa guru PPISMP di IPGKIK terhadap Literasi Kewangan

Jadual 4

Amalan siswa guru PPISMP di IPGKIK terhadap literasi kewangan

BIL	Item	1	2	3	4	5
1	Saya membuat perancangan bagaimana untuk mencapai matlamat kewangan saya	3 (4%)	3 (4%)	12 (16.2%)	47 (63.5%)	9 (12.1%)
2	Saya menganggarkan perbelanjaan saya pada setiap bulan	2 (2.7%)	2 (2.7%)	6 (8.1%)	44 (59.4%)	20 (27%)
3	Saya mengikut bajet perbelanjaan mingguan atau bulanan	1 (1.3%)	4 (5.4%)	15 (20.2%)	39 (52.7%)	15 (20.2%)
4	Saya merekod semua perbelanjaan kewangan saya.	4 (5.4%)	8 (10.8%)	26 (35.1%)	28 (37.8%)	8 (10.8%)
5	Saya merekod semula dan menilai tabiat berbelanja saya	2 (2.7%)	9 (12.1%)	20 (27%)	31 (41.8%)	12 (16.2%)

Bagi aspek amalan dan tingkah laku (jadual 4), peratusan yang tertinggi sebanyak 27% daripada responden menyatakan siswa guru sangat berpuas hati tentang menganggarkan perbelanjaan saya pada setiap bulan. Manakala 63.5% daripada responden menyatakan berpuas hati dengan membuat perancangan bagaimana untuk mencapai matlamat kewangan saya. Analisis juga mendapati, 35.1% daripada responden adalah kurang pasti dengan kenyataan siswa guru merekod semua perbelanjaan kewangan mereka dan 5.4% juga menyatakan sangat kurang berpuas hati dengan kenyataan ini. Begitu juga dengan kenyataan responden daripada siswa guru merekod semula dan menilai tabiat berbelanja saya dilazimi 5.4% adalah kurang berpuas hati.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa bagi aspek pengetahuan dan amalan pada skala 4 (berpuas hati) manakala aspek sikap pula pada skala 5 (sangat berpuas hati). Hal ini memberikan gambaran yang baik dengan setiap aspek daripada hasil kajian adalah dari aspek pengetahuan siswa guru terhadap literasi kewangan sebanyak 28.3% daripada responden menyatakan mereka sangat berpuas hati apabila seseorang siswa guru itu lebih cenderung untuk membuat keputusan kewangan yang lebih baik jika keputusan yang dibuat itu berdasarkan rekod kewangan.

Hal ini bertepatan dengan pernyataan Garman & Gappinger (2008) dalam Noor Azizah Shaari, Nurfadhilah Abu Hasan, Ramesh Kumar Moona Haji Mohamed, Mior Ahmad Jafri Md Sabri (2013), literasi kewangan ditakrifkan sebagai pengetahuan, prinsip, konsep dan alat-alat teknologi asas yang membolehkan seseorang itu menjadi bijak berkenaan kewangan. Begitu juga pendapat Servon & Kaestner (2008), memberikan definisi literasi kewangan adalah merujuk keupayaan seseorang untuk memahami dan menggunakan konsep kewangan. Pernyataan ini juga disokong dengan Rosle et al (2013) dalam Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin & Fatimah Salwa Abdul Hadi. (2015), pula menjalankan kajian mendapati bahawa individu yang mempunyai pengetahuan kewangan lebih cenderung untuk menyediakan diri dengan pelbagai pelan kewangan.

Seterusnya dari aspek sikap siswa guru terhadap literasi kewangan, sebanyak 60.8% daripada responden menyatakan siswa guru sangat berpuas hati bahawa setiap individu perlu bertanggungjawab

untuk memastikan kesejahteraan kewangan masing-masing. Pernyataan ini selari dengan Yasmin et al., (2017), tahap literasi kewangan yang tinggi sangat penting untuk menjamin kesejahteraan hidup. Pendapat ini juga di sokong oleh Zuriana & Rosniyati (2012) mendapatkan bahawa pendedahan kepada pelajar berkaitan pengurusan kewangan peribadi membantu pelajar menjadi individu yang berkebolehan dan berkeyakinan untuk mengurus dan merancang kewangan mereka. Begitu juga dengan pendapat Azwadi Ali, Mohd SA Rahman & Alif Bakar (2013), mendapatkan kesejahteraan hidup akan meningkat apabila mempunyai pengetahuan kewangan melalui gaya perbelanjaan yang lebih efisien.

Manakala peratusan yang tertinggi sebanyak 27% daripada responden menyatakan siswa guru sangat berpuas hati tentang menganggarkan perbelanjaan saya pada setiap bulan. Hasil kajian ini selari dengan pendapat Noraihanet (2013), literasi kewangan juga ditakrifkan sebagai satu sains dan seni dalam mengendalikan wang dan perlu dimiliki oleh individu atau organisasi. Pendapat ini di sokong dengan Coalition (2007) pula mentakrifkan literasi kewangan sebagai keupayaan untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan sumber kewangan dengan berkesan agar sumber kewangan terjamin seumur hidup.

Cadangan pengkaji untuk kajian ini adalah memberi pendedahan literasi kewangan kepada siswa guru dengan lebih meluas dan mengadakan bengkel literasi kewangan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran siswa guru.

KESIMPULAN

Literasi kewangan dalam kalangan siswa guru perlu dipertingkatkan. Memandangkan terdapat segelintir siswa guru yang masih belum mengetahui literasi kewangan sebagai seorang siswa guru di institusi pendidikan. Justeru, pelbagai pendekatan tentang literasi kewangan kepada siswa guru perlu dilakukan bermula dari peringkat program persediaan lagi. Ini memberikan pendedahan kepada siswa guru yang masih baru memulakan kehidupan sebagai pelajar di institusi pendidikan.

RUJUKAN

- Aisyah Abdul Rahman & Wajeeha Zulkifli. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (Determinants of Financial Management: The Case of Universiti Kebangsaan Malaysia Students. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85-94.
- Azwadi Ali, Mohd SA Rahman & Alif Bakar. (2013). Financial Literacy and Satisfaction in Malaysia: A Pilot Study. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 4(5), 319-324.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan: *Asas Statistik penyelidikan buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hil.
- Dahlia Ibrahim, Rabithah Harun, Zuraidah Mohamed Isa (2009). *A Study on Financial Literacy of Malaysian Degree Students*. Canadian Academy of Oriental and Occidental Culture, 5(4), 51-59.

- Eagle & Chaiken. (1993). *The psychology of attitudes*. A.H. Eagly & S. Chaiken. Fort Worth, TX: University of North Florida.
- Noor Azizah Shaari, Nurfadhilah Abu Hasan, Ramesh Kumar Moona Haji Mohamed, Mior Ahmad Jafri Md Sabri. (2013). Financial Literacy: A Study Among The University Students. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research In Business*, 5(2), 279-299
- Harun. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 31. pp. 83-96. ISSN 0126-6020 / 2180-0782
- Hung, Parker & Yoong (2009). *Defining and easuring financial literacy*. Working Paper, RAND labor and Population.
- Jodi L. Parrotta & Phyllis J. Johnson. (1998). The impact of financial attitudes and knowledge on financial management and satisfaction of recently married individuals. *Association for Financial Counselling and Planning*, Vol. 9(2).
- Murugiah. (2016). *Financial literacy Determinants in Peninsular Malaysia*. UUM Sintok
- Noraihan Mamat Zambi, Hasmida Mohamad Hassan & Syaiful Bahari Jaafar. (2013). *Hubungan antara amalan pengurusan kewangan pelajar dan kursus PA 305*: Technical And Education Colloquium, 25-31
- Noraihanet & Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Shah Alam: McGraw Hill Education
- Rubayah Yaakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal Personlia Pelajar* 18(11) (2015):98-117.
- Sukarmin. (2010). *Hubungan tingkah laku kepimpinan pengajaran guru besar dengan keafiatan sekolah, komitmen organisasi, efikasi dan kepuasan guru sekolah*. (Tesis Ph.D., Universiti Utara Malaysia).
- Servon, Lisa. J. and Kaestner. R. (2008). Consumer Financial Literacy and the Impact of Online Banking on the Financial Behavior of Lower-Income Bank Customers. *Journal of Consumer Affairs*, 42 (Summer): 271–305.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin& Fatimah Salwa Abdul Hadi. (2015). Kehidupan kelas menengah Malaysia: Satu kajian kes mengenai corak perbelanjaan guru dalam pemilikan aset dan pelaburan kewangan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(11), 1-13
- Yasmin Huzaimeh & Anuar Ahmad. (2017). *Tahap Literasi Kewangan di Kalangan Mahasiswa*. Prosiding dalam seminar International Conference on Global Education V Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity, UKM.
- YT Sam, C Geetha, R Mohidin. (2012). What were the factors that influence financial management behavior of undergraduates? *International Journal of Business Trends and Technology*.
- Zuriana Mohamed & Rosniyati Abd Razak. (2012). *Kajian persepsi pelajar terhadap impak kursus pengurusan kewangan peribadi jabatan perdagangan Politeknik Port Dickson*. Politeknik Port Dickson.

